

09/05/1997

Pemuda Selangor tempatkan 2,000 ahli

KUALA SELANGOR, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno Selangor akan menempatkan 2,000 ahlinya di kawasan Parlimen Kuala Selangor dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang selepas hari penamaan calon bagi membantu Umno bahagian Kuala Selangor dalam kempen pilihan raya kecil pada 29 Mei ini.

Ketua pergerakan itu, Soohaimi Abdul Rahman, berkata Pergerakan Umno akan bergabung tenaga bagi membantu menggerakkan jentera Barisan Nasional (BN) dalam kempen itu bagi memastikan calon BN menang majoriti.

"Kita mahu memastikan calon BN yang bertanding di dua peringkat itu bukan sekadar menang dalam pilihan raya kecil yang diadakan tetapi meraih undi majoriti," katanya yang mengetuai mesyuarat khas dengan 17 ketua Umno bahagian Selangor di Bangunan Umno Kuala Selangor, di sini, hari ini.

Menurutnya, mesyuarat yang diadakan hari ini bertujuan membincangkan dengan ketua bahagian mengenai persiapan menghadapi pilihan raya kecil yang bakal menjelang.

Ahli Parlimen Kuala Selangor yang juga Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar akan bertanding dalam pilihan raya kecil DUN Permatang selepas kerusi itu dikosongkan Datuk Jamaluddin Adnan yang akan bertanding bagi Parlimen Kuala Selangor.

Abu Hassan, 56, yang dinamakan sebagai pengganti Tan Sri Muhammad Muhd Taib pada 2 Mei lalu perlu memenangi kerusi DUN Permatang dalam pilihan raya kecil 29 Mei ini sebelum mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar.

Soohaimi berkata, semua bahagian Umno negeri akan bertanggungjawab terhadap setiap cawangan Umno di Parlimen Kuala Selangor dalam merangka strategi kempen termasuk kempen dari rumah ke rumah dan ceramah.

"Walaupun kita semua bersatu dalam pilihan raya kecil ini, kita masih berharap kedua-dua calon BN tidak ditentang oleh pembangkang bagi menjimatkan masa, tenaga dan wang," katanya.

Sehingga hari ini hanya PAS yang menyuarakan hasrat untuk bertanding dengan mengenal pasti empat calon berpotensi untuk dicalonkan tetapi tidak mengumumkan nama itu sehingga hari Penamaan Calon.

Soohaimi berkata, beliau yakin Abu Hassan dan Jamaluddin akan mendapat undi majoriti walaupun pembangkang merancang untuk meletakkan calon mereka.

"Abu Hassan adalah seorang pemimpin yang berpengalaman luas sebagai ahli politik dan mendapat sokongan padu daripada semua peringkat parti di Kuala Selangor dan negeri," katanya.

Soohaimi berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pilihan tepat melantik Abu Hassan sebagai Menteri Besar yang baru dan Pergerakan Pemuda Umno akan memberikan sokongan padu apabila beliau menjalankan tugasnya kelak.

(END)